

18/11/1997

Usah terpengaruh dakwah media asing

Gagasan Generasi Berwawasan

BEBERAPA bulan kebelakangan ini ekonomi negara cuba dilemahkan dan digugat oleh 'tangan asing' khususnya daripada kalangan spekulator mata wang asing.

Mereka bertindak atas dasar iri hati dan dengki melihat pertumbuhan ekonomi Malaysia yang memberangsangkan sejak 10 tahun lalu sekali gus mencerminkan keupayaan dan kemampuan umat Islam membangunkan negara mereka sendiri.

Alasan lain yang mendorong mereka 'menyerang' mata wang Malaysia dan beberapa negara jiran seperti Indonesia, Thailand dan Filipina adalah kerana membantah penerimaan Myanmar sebagai anggota baru dalam Asean.

Dalam tempoh dua minggu lalu media asing yang dimonopoli dan datang dari Barat bertalu-talu mengecam dan mendesak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri. Mereka berniat jahat menuduh Dr Mahathir sebagai punca kegawatan ekonomi di Asia Tenggara.

Malang sekali bagi mereka apabila dakwaan dan tuduhan liar media asing itu tidak mendapat sokongan pemimpin daripada parti pembangkang di negara ini.

Ketika menghadapi masalah begini kita seharusnya bersama-sama mengukuhkan lagi perpaduan demi kebaikan bersama dan bukannya bertindak seperti 'enau di dalam belukar' dengan mengikut telunjuk orang asing yang jelas mahu melihat Malaysia terjerumus dalam kancah pergolakan politik.

Amatlah merugikan jika ada rakyat yang terpengaruh dengan adu domba oleh media asing. Mereka secara emosional menyalahkan kerajaan sebagai penyebab kejatuhan nilai ringgit dan pasaran mata wang dan saham hari ini.

'Sudah terang lagi bersuluh' penyebab permasalahan ekonomi sekarang berpunca daripada 'tangan penyangak ekonomi'.

Soalnya sekarang, adakah segelintir rakyat mahu menyokong perlakuan sumbang penyangak itu?

Sebagai rakyat saya bersama-sama seluruh rakyat Malaysia berganding bahu mempertahankan pucuk pimpinan negara daripada terus dikecam dan dilagakan. Kita perlu secara yakin dan terbuka menyokong setiap langkah yang diambil Dr Mahathir dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kepemimpinan dan semangat kerjasama yang dipelopori mereka amat perlu kita sokong dan dukung demi mengatasi setiap permasalahan yang timbul.

Oleh itu, saya mewakili semua remaja Kelantan yang sependapat dalam perkara ini secara tegas dan terbuka menyatakan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Dr Mahathir yang turut disokong kuat dan dibantu oleh Anwar dalam menghadapi kemelut ekonomi sekarang.

Kami, Remaja Kelantan dengan keyakinan tinggi terhadap kepemimpinan Dr Mahathir, dengan tegas menyatakan 'tidak' atas semua adu domba, maki-hamun media Barat yang jelas mahu merosakkan perpaduan rakyat Malaysia.

Tidak ada sebab atau manfaat untuk kami mengiakan tingkah laku pihak tertentu yang kelihatan seakan-akan 'tali barut' kepada agenda jahat media asing dan 'penyangak ekonomi' yang mahu meruntuhkan perpaduan rakyat dan ekonomi umat Islam.